

Tabung Haji disaran jual hartanah kurang beri pulangan

UM 3 SEP 2001

LANGKAWI 2 Sept. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyarankan Tabung Haji supaya menjual hartanah yang tidak memberikan pulangan yang baik bagi memantapkan lagi pengurusan badan itu.

Katanya, kesilapan yang dilakukan oleh Tabung Haji sehingga menyebabkan ia gagal mendapatkan pulangan yang baik adalah berikutan nelaburan badan itu dalam sektor hartanah yang tidak memberikan pulangan yang tinggi.

“Pelaburan Tabung Haji dalam hartanah memberikan pulangan

yang semakin sedikit, orang yang baru perlu lihat perkara ini, mungkin menjual semula hartanah yang tidak memberikan pulangan,” katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di sini hari ini sempena lawatan dua hari ke Langkawi.

Beliau ditanya mengenai peranan yang boleh dimainkan oleh Panel Pelaburan Tabung Haji, hari memperkukuhkan lagi pengurusannya.

Semalam, Penearah Urusan Kumpulan Amanah Capital Partners Bhd (ACP), Datuk Seri Sued Anwar Jamalullail dilantik sebagai Pengerusi

Panel Pelaburan Tabung Haji yang baru.

Pelantikan itu yang diumumkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin berkuat kuasa serta-merta.

Dalam perkembangan berkaitan, Dr. Mahathir berkata, orang ramai tidak boleh menganggap Tabung Haji sebagai sebuah bank dengan mengharapkan simpanan mereka di dalam badan itu akan memberikan pulangan tinggi.

Ini kerana jelas beliau, Tabung Haji bukanlah sebuah bank sebaliknya ditubuhkan untuk membolehkan

orang ramai menyimpan wang bagi memudahkan pengurusan mengerjakan haji.

“Tabung Haji bukan bank, ia ditubuhkan untuk mengutip wang bagi membolehkan kerja haji dijalankan dengan lebih mudah, itu tujuan utama penubuhan Tabung Haji, tapi banyak pihak anggap Tabung Haji sebagai bank dan mahu dapat lebih banyak pulangan daripada pelaburannya,” katanya.

Bagaimanapun kata Perdana Menteri, orang ramai boleh menyimpan dan mengeluarkan wang mereka daripada Tabung Haji jika mereka mahu berbuat demikian.